

NO. SOALAN: 41

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN
[AMPANG]**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2014

RUJUKAN : 7233

SOALAN:

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) perincian bilangan pendatang asing tanpa izin dalam negara ;
dan
- (b) tindakan pihak Kementerian dalam menangani isu pendatang
asing tanpa izin merunding.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, kerajaan tidak mempunyai data yang spesifik mengenai keberadaan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di dalam negara kerana kemasukan mereka adalah secara tidak sah dan tidak direkodkan oleh mana-mana agensi. Walau bagaimanapun, melalui Program 6P, Kerajaan telah memohon PATI yang berada di dalam negara keluar mendaftar dan diambil maklumat biometrik mereka untuk tujuan rekod dan pemantauan. Sehingga 31 Ogos 2011, seramai 1,303,206 orang PATI telah tampil untuk mendaftar di bawah program ini.

Tindakan-tindakan yang telah diambil bagi mengatasi masalah PATI boleh dikategorikan kepada 2 peringkat iaitu sebelum masuk ke negara dan setelah berada dalam negara.

Sebelum masuk ke Malaysia, tindakan-tindakan yang diambil adalah seperti berikut:

- i) memperketatkan kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk ke negara;**
- ii) menasihatkan pelawat-pelawat asing ke negara ini agar mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka (*return ticket*) di samping menasihatkan mereka agar mempunyai**

sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara diri sepanjang masa berada di negara ini; dan

- iii) pengawasan di sepanjang pesisiran perairan negara dipertingkatkan, iaitu kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebagai tempat pendaratan dan kemasukan PAfI. Ini dijalankan dengan kerjasama Pasukan Gerakan Marin PDRM, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Kerajaan juga sentiasa memantapkan usaha-usaha risikan, pemantauan dan penguatkuasaan bagi menyekat penyeludupan di sempadan darat negara. Ia dijalankan dengan kerjasama Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dan Pasukan Gerak Am (PGA).

Manakala setelah berada dalam negara, tindakan-tindakan yang diambil adalah seperti berikut:

- i) melaksanakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi-agensi yang berkaitan dari masa ke semasa secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara seperti di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963; dan

- ii) membuat naziran ke premis-premis yang terdapat warganegara asing, seperti premis majikan yang menggaji pekerja asing dan institusi yang mengambil pelajar antarabangsa.